

PM ajak umat Islam bangkit bela maruah

BH 20 SEP 2002

Oleh Mutazar
Abd Ghani

BUTTERWORTH, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengajak umat Islam membela maruah Islam yang tercemar akibat dilabelkan sebagai pencetus semua kejadian buruk di dunia, hari ini.

Perdana Menteri berkata, keganasan dan kemunduran kini sinonim dengan Islam dan umatnya apabila musuh Islam berjaya mencorakkan pemikiran masyarakat dunia bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan keganasan.

Katanya, pelbagai insiden dan fakta berunsur keganasan selain tohmahan yang dikaitkan dengan umat Islam, meletakkan keindahan agama Islam.

Memang tidak dapat dinafikan, umat Islam perlu bangkit membela maruah yang tercemar ini. Bagaimanapun, ia perlu dilakukan secara berhemah dan berpegang kepada prinsip Islam tidak menganjurkan permusuhan dan keganasan.

“Penolakan Islam terhadap sebarang unsur permusuhan, keganasan dan kemunduran mesti ditonjolkan dalam segenap ruang kehidupan umatnya dengan unsur keindahan yang ada pada Islam.

“Tindakan yang dilakukan perlu mempamerkan kepada dunia bahawa Islam adalah agama berma-

ruah. Umat Islam perlu bertindak atas dasar ini walaupun menghadapi kemelut mencabar ini,” katanya merasmikan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-45 di Dewan Millennium, Kepala Batas, dekat sini, malam ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid; Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalid Ramli dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid.

Kira-kira 20,000 orang hadir pada majlis perasmian tilawah bertema Bersama Hayati Keindahan Islam. Tilawah kali ini bakal menyaksikan 26 qari dan qariah mengambil bahagian.

Dr Mahathir berkata, konflik yang dialami umat Islam hari ini seperti penyelewengan ajaran Islam oleh pihak tertentu, sekiranya tidak dibendung, akan menjadi penghalang kepada kecemerlangan umat Islam.

“Agama Islam diseleweng oleh mereka yang kononnya mendakwa diri mereka pemimpin Islam atau ulama. Penyelewengan ini sudah sampai peringkat

paling buruk sehingga mempersenda atau menghinakan orang Islam,” katanya.

Beliau berkata, perkembangan buruk itu amat membimbangkan dan ia berlaku kerana umat Islam kurang mendalami ilmu teras mengenai Islam dan penafsiran Islam tidak mengikut paradigma, dasar, falsafah, ilmu dan nilai Islam secara menyeluruh serta sistematik.

“Ada antara kita sanggup mentafsirkan ayat al-Quran mengikut kehendak nafsu sendiri demi kepentingan tertentu dengan tafsiran dan terjemahan yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar.

“Pentafsiran ‘Tuhan Samseng’ terhadap nama-nama Allah yang Maha Suci adalah contoh penyelewengan paling ketara berlaku akibat kurangnya penekanan terhadap aspek penghayatan akidah, syariat dan akhlak Islamiah seperti digariskan oleh Islam,” katanya.

Perdana Menteri berkata, umat yang mengaku beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, bertanggungjawab memperbetulkan keadaan itu dan mempamerkan keindahan serta kebenaran Islam dalam kehidupan seharian.

Sementara itu, tiga peserta memperdengarkan bacaan pada malam pertama tilawah itu. Mereka adalah qari Melaka, Abd Rashid Abd Rahman, qariah Kedah, Che Ah Jamaluddin dan qari Kelantan Abdul Aziz Mohamad.